




Kosmo
23/3/17
m/s 3



IPOI (kiri) menunjukkan kajian mengenai sejarah Gua Niah pada sidang akhbar di Muzium Sarawak, Kuching semalam.

TULANG manusia Niah yang berusia 20,000 tahun bakal dibawa pulang ke Sarawak selepas 50 tahun disimpan di Amerika Syarikat.

GUA Niah menjadi antara tapak terawal penempatan manusia di Asia Tenggara ekoran penemuan tulang Gadis Niah berusia 42,000 tahun.

Tulang prasejarah berusia 20,000 tahun yang disimpan AS dibawa pulang ke Malaysia

Rangka purba Niah balik Sarawak

KUCHING – Rangka manusia purba berasal dari Gua Niah yang dipercayai berusia lebih 20,000 tahun akan dibawa balik ke Sarawak pada tahun 2019 selepas lebih 50 tahun disimpan untuk tujuan kajian di Amerika Syarikat (AS).


Pengarah Muzium Sarawak, Ipoi Datan berkata, ia merupakan satu daripada 122 rangka yang dibawa ke negara itu pada tahun 1966 hingga 1967 bagi tujuan dokumentasi dan kajian di Universiti Nevada, Las Vegas, AS.

“Rangka-rangka ini dibawa oleh pasangan penyelidik, Richard dan Sheilagh Brooks ke universiti itu sejak lebih 50 tahun lalu.

“Usaha untuk membawa balik kesemua rangka ini dimulakan sejak tahun lalu dan dijangka dapat direalisasikan dua tahun ini selepas makmal dan ruang simpanan Muzium Sarawak siap sepenuhnya pada 2019,” katanya pada sidang akhbar di Jabatan Muzium Sarawak di sini semalam.

Jelasnya, semua tulang-temulang itu kini disimpan dalam 33 buah kotak dan diserahkan

INFO Peta lokasi Gua Niah, Sarawak



kan kepada Universiti Florida, AS pada 11 Mac lalu bagi tujuan penyimpanan sementara sebelum dibawa balik ke Malaysia.

Menurutnya, rangka manusia Niah terbahit amat berharga kerana kawasan penemuan tersebut pernah diisytihar sebagai antara penempatan manusia homo sapiens paling tua di Asia Tenggara.

Beliau memberitahu, tulang-tulang itu ditemui melalui ekskavasi yang dijalankan di Gua Niah oleh Kurator, Tom Harisson dan isterinya, Barbara Harrison pada 1958.

“Hasil kajian ini turut menemui rangka tua yang kemudian dikenali sebagai tengkorak kepala Gadis Niah, yang dikatakan dimiliki gadis muda berketinggian di bawah lima kaki.

“Ketika penemuan awalnya dahulu, tengkorak itu dipercayai berusia 38,000 tahun tetapi seorang ahli arkeologi dari Universiti Cambridge mengesahkan usianya sekitar 42,000 tahun,” ujarnya.

Penemuan rangka Gadis Niah itu sekaligus menjadikan Gua Niah sebagai tapak awal kehadiran manusia di Asia Tenggara.

Selain Gua Niah, satu lagi lokasi penemuan manusia purba terkenal ialah di Lembah Lenggong, Perak pada tahun 1991.

Ia susulan penemuan rangka dikenali Perak Man yang berusia antara 10,000 hingga 11,000 tahun oleh penyelidik Pusat Penyelidikan Arkeologi Malaysia, Universiti Sains Malaysia.

INFO

Antara penemuan tulang atau artifak purba di Malaysia

- **1958** – Ekskavasi yang diketuai oleh Tom Harisson dan isterinya Barbara Harrison menemui tengkorak manusia di sebelah barat Gua Niah yang berusia 42,000 tahun
- **1991** – Tulang rangka Perak Man yang berusia 10,000 hingga 11,000 tahun dijumpai di Gua Gunung Runtuh, Lenggong, Perak
- **6 Februari 2010** – Arkeologi menjumpai rangka manusia berusia antara 8,000 hingga 11,000 tahun dari Zaman Mesolitik di Gua Bewah, Hulu Terengganu, Terengganu
- **1 September 2015** – Kapal purba dipercayai berusia 2,000 tahun ditemui di Tapak Arkeologi Sungai Batu, Kedah